

SMS guna nama polis

H-M 29/06/08 M/S >

>>Oleh **MARY VICTORIA DASS**

maryvictoria@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Satu sindiket penipuan peraduan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) yang didalangi warga negara jiran dikesan menjaja nama pegawai polis dari Bukit Aman sebagai taktik terbaru untuk menjerat mangsa.

Peniaga, Amran Abdullah, 32, dari Ulu Tiram mendakwa dia hampir terjat dengan taktik sindiket itu apabila menerima panggilan daripada anggota sindiket yang menyamar sebagai pegawai polis dari Bukit Aman, kelmarin.

Menurutnya, panggilan itu diterima sehari selepas dia mendapat satu SMS yang menggunakan nama sebuah syarikat petroleum dan telekomunikasi terkenal negara ini kononnya bakal mendapat wang tunai sehingga RM14,000.

“Pada mulanya kami mengabaikan SMS itu, namun saya dan ahli keluarga

mula curiga apabila menerima panggilan daripada lelaki berkenaan yang memperkenalkan dirinya sebagai Inspektor Abdul Aziz dari Bukit Aman.

“Lebih mencurigakan apabila lelaki berkenaan bertutur dalam loghat Indonesia, manakala nombor telefon berkenaan dipercayai dari luar negara berdasarkan angkanya sebanyak 15 digit,” katanya di Pejabat Harian Metro, di sini, semalam.

Amran berkata, lelaki itu menghubunginya dua kali dengan alasan ingin membantu syarikat minyak dan telekomunikasi itu menyerahkan hadiah kepada pemenang.

Menurutnya, selain meminta nombor akaun bank, lelaki berkenaan memintanya memberi nombor pengenalan diri. Namun, Amran enggan berbuat demikian kerana menyedari wujud kegiatan penipuan seperti ini yang sering didedahkan akhbar sebelum ini.

“Kami tidak menjangka



TIPU... SMS diperoleh oleh Amran daripada satu sindiket penipuan.

lelaki itu yang pada mulanya berbual dengan sopan bertukar agresif dan mula memarahi saya sambil mengeluarkan perkaatan kesat.

“Dia juga mengugut mengambil tindakan undang-undang terhadap keluarga saya jika tidak akur arahnya,” katanya.

Amran berkata, bagi mendapatkan kesahihan berhubung dakwaan lelaki itu, keluarganya menghubungi polis Bukit Aman bagi mendapatkan penjelasan berhubung SMS dan

panggilan diterimanya.

“Bagaimanapun, kami diberitahu oleh polis Bukit Aman bahawa tiada Inspektor Abdul Aziz bekerja di situ, selain percaya ia angkara sindiket terancang beroperasi di Indonesia berdasarkan nombor telefon digunakan mereka.

“Saya dan keluarga bernasib baik kerana tidak terpedaya dengan helah sindiket itu yang menjaja nama polis Bukit Aman dan syarikat terkenal di negara ini untuk menipu mangsa,” katanya.